



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA KERAJAAN MENGHARGAI JASA DAN SUMBANGAN WANITA

SELANGOR, 8 MAC – YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri hari ini telah merasmikan majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 yang berlangsung di Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC). Sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada tahun ini mengangkat tema Wanita Dijulang, Negara Gemilang bagi menekankan kepentingan mewujudkan budaya inklusif dan kesaksamaan gender pada semua peringkat sebagai usaha memartabatkan wanita di negara ini.

Sebagai bukti kerajaan serius dalam memartabatkan wanita, peraturan Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS) telah diwartakan dan mula berkuatkuasa pada hari ini. Dengan penguatkuasaan peraturan ini, TAGS akan mula beroperasi sebagai satu platform alternatif untuk mengendalikan aduan gangguan seksual dengan cepat, mudah dan kos yang minimum. TAGS akan mula menerima aduan gangguan seksual pada 11 Mac 2024 bagi perbuatan gangguan seksual yang berlaku pada atau selepas 8 Mac 2024 iaitu tarikh Akta 840 berkuatkuasa sepenuhnya.

Turut diumumkan adalah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan tentang perihal kewarganegaraan bakal dipinda dengan memberikan fokus Perkara 14(1)b, Seksyen 1(b) dan 1(c), Bahagian II, Jadual Kedua. Perkataan “bapa” yang sedia ada dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan akan 24 digantikan kepada “ibu bapa atau ibu atau bapa”. Pindaan ini bakal membolehkan anak-anak kepada salah seorang warganegara Malaysia (yakni ibu atau bapa) yang lahir di luar Persekutuan dikurniakan taraf kewarganegaraan Malaysia secara kuat kuasa undang-undang. Pindaan ini turut akan dilengkapi beberapa pindaan lain yang sudah pun diberikan perkenan oleh Majlis Raja-Raja. Selain itu, Perdana Menteri juga telah mengumumkan Dana Khas bernilai

RM50,000 kepada 100 tokoh wanita terpilih yang akan ditentukan oleh KPWK M bagi menjana idea pemberdayaan kaum wanita

Bagi pengiktirafan kepada kejayaan wanita pula, dalam majlis tersebut turut disampaikan penganugerahan empat kategori anugerah iaitu Anugerah KASIH Wanita Bakti, Anugerah KASIH Wanita Cekal, Anugerah KASIH Wanita Harmoni dan Anugerah KASIH Wanita Komuniti.

Dalam ucapannya, YAB Perdana Menteri menegaskan bahawa pemerkasaan wanita sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan kerana wanita adalah tonggak pembangunan negara. Penyertaan wanita dalam tenaga buruh perlu ditingkatkan kepada 60 peratus dalam tempoh kurang sepuluh tahun dari sekarang, iaitu salah satu daripada tujuh penanda aras yang mahu dicapai di bawah Ekonomi Madani. Usaha memperkasakan wanita perlu dilaksanakan dengan lebih aktif dan progresif oleh semua pihak daripada pelbagai peringkat dan bukannya merupakan tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK M) sahaja.

Program Sambutan Hari Wanita yang diadakan bermula jam 8 pagi telah menyediakan pelbagai pengisian menarik seperti pameran daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta, NGO dan usahawan wanita berjaya; khidmat nasihat kewangan; sesi panel, demo mempertahankan diri dan sudut bicara bersama selebriti dan pempengaruh. Forum Wanita Aspirasi MADANI anjuran bersama MTD Group juga telah diadakan.

Hadir bersama dalam majlis ini ialah YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail, Isteri Perdana Menteri, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, menteri-menteri kabinet dan duta-duta asing.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT 8
MAC 2024**